

# KARNIVAL SUKAN ANTARA PERKHIDMATAN ATM MELABUHKAN TIRAI

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3314-karnival-sukan-antara-perkhidmatan-atm-melabuhkan-tirai](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3314-karnival-sukan-antara-perkhidmatan-atm-melabuhkan-tirai)

KLANG, 11 Apr 18 – Karnival Sukan Antara Perkhidmatan ATM yang dilaksanakan mulai 8 Apr 18 melibatkan sukan Tennis, Bola Jaring dan Boling Padang telah melabuhkan tirai hari ini. Majlis telah disempurnakan oleh Panglima 4 Divisyen, Mej Jen Datuk Mohd Zakaria bin Haji Yadi bertempat di Stadium Tertutup Bowling Padang Bayuemas, Klang.

Terdahulu, perlawanan akhir boling padang telah diadakan sebagai acara penutup dimana memperlihatkan penguasaan penuh TLDM pada pertandingan ini dan sekaligus dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan Karnival Sukan Antara Perkhidmatan ATM bagi tahun ini diikuti TUDM dan TDM.

Hadir sama di majlis penutup Asisten Ketua Staf Materiel, Brig Jen Dato' Dr Hj Mohd Yunus bin Masjuki TUDM serta pegawai-pegawai kanan ATM yang lain.



